

SINOPSIS

Kajian ini tertumpu kepada nilai-nilai nasional yang terkandung dalam filem-filem dokumentari terbitan *Malayan Film Unit/Filem Negara Malaysia (MFU/FNM)*. Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengenalpasti jenis-jenis nilai nasional yang diberi perhatian dan tumpuan oleh filem dokumentari terbitan MFU/FNM, mengenalpasti bagaimana filem dokumentari memaparkan isu-isu nilai nasional dan melihat bagaimana MFU/FNM sebagai sebuah institusi media kerajaan berperanan dan cara ia menjalankan peranannya. Kajian ini menggunakan kaedah analisis isi kandungan iaitu dengan menonton filem-filem dokumentari yang dipilih berdasarkan kaedah persampelan. Kajian dilakukan ke atas visual dan juga latarkata yang terdapat dalam filem-filem dokumentari tersebut. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa filem-filem dokumentari terbitan MFU/FNM memaparkan nilai-nilai nasional di dalamnya dan badan ini berjaya memainkan peranannya menyampaikan mesej dan dasar-dasar kerajaan kepada rakyat jelata sejak era sebelum merdeka hingga kini.

SYNOPSIS

This research is focusing on the national values found in the documentary films produced by *Malayan Film Unit/Filem Negara Malaysia (MFU/FNM)*. The main purposes of this research are to identify the types of national values which is stressed on by the documentaries, to identify how the documentary films portrayed the issues of national values and to look into how the MFU/FNM as the government media institution play its role. This research used the method of content analysis by viewing the documentary films which was choosed by sampling method. Research would be base on visuals and also commentaries contained in the films. The outcome of the research showed that the documentary films produced by MFU/FNM containing national values and the body is successful in playing its role delivering government messages and policies to the citizens of the country since pre-independent until now.